

Dunia Madrasah

Madrasah Al-Islahiah-Kedah

Madrasah ini telah didirikan oleh sekumpulan dari penduduk Kampung Dingin Mahang, Karangan Kedah. Dengan rasa kesedaran untuk mencapai kemajuan dan kebahagiaan

di dunia dan akhirat, mereka telah bermuafakat mendirikannya

secara bergotong royong. Madrasah yang kecil ini tetapi besar ertinya dalam masyarakat kampung dingin telah

didirikan pada tahun 1955. Pada mulanya hanya memakai

seorang guru, Tuan Haji Ludin (seorang guru yang bertauliah) yang mengajar sehari dalam seminggu. Dalam tahun 1958 dengan kerjasama tuan guru dan datuk penghulu mukim, madrasah ini diakui oleh Pejabat Agama Negeri Kedah.

Di dalam tahun 1959 penduduk-penduduk di sini bercita-cita pula hendak mengadakan pelajaran (niżāmi) seperti sekolah-sekolah Agama Rakyat di Persekutuan. Cita-cita itu berjaya dan mereka pun mengambil seorang guru untuk mengajar secara (niżāmi) kepada kanak-kanak yang sudah berhenti dari sekolah kebangsaan. Pada mulanya hanya 14 orang lalu bertambah menjadi 21 orang. Madrasah pada masa itu serba kekurangan, tidak mempercayai kealatan yang lengkap. Masa itu kanak-kanak belajar dengan duduk bersila kerana

tidak mempunyai meja kerusi. Walaupun begitu, hal itu tidak menjadi halangan, guru dan murid-murid terus mengajar dan belajar.

Di dalam tahun 1960 madrasah ini dapat pula mengadakan sebuah taman bacaan (khutub khanah) dan mengadakan



Rabi bin Haji Yusuf, penuntut madrasah Arabiah

Kluang, Johor johan syarahan bahasa Arab di seluruh

negeri Johor yang telah di adakan pada hari ihtifal

di Madrasah al-Diniah, Gersik, Muar, baharu-baharu ini.



**Sebahagian daripada murid-murid madrasah Al-Islahiah sedang
Asyik membaca buku-buku di taman bacaan madrasah.**

sukan. Dalam tahun itu juga ahli-ahli jawatankuasa madrasah telah memohon bantuan kepada pihak setiausaha tetap kementerian pelajaran persekutuan di Kuala Lumpur.

Pada bulan April 1960 Yang Mulia Ustaz Salih Usman dari kementerian pelajaran telah melawat ke madrasah ini. jumlah murid-murid bertambah menjadi 35 orang.

Pada bulan Januari 1961 madrasah ini telah mengadakan ihtifal kali yang pertama. Alhamdulillah pada hari itu derma-derma daripada saudara-saudara muslimin yang hadir di majlis itu kerana menolong perjalanan madrasah ini, telah dapat sebanyak \$350.00, maka pada tahun itu juga ahli jawatankuasa telah mengambil keputusan mendirikan sebuah madrasah yang baharu di sebelah madrasah yang lama dengan wang itu. Madrasah yang baharu telah pun selamat didirikan.

Pada 12.4.61 madrasah ini mulalah mendapat bantuan daripada kerajaan persekutuan seperti sekolah-sekolah agama rakyat yang lain di Persekutuan, dan madrasah ini



**Murid madrasah Al-Islahiah sedang mendengar
nasihat daripada gurunya.**

Semakin sehari semakin maju sehingga dapat mengadakan alatan-alatan dan meja kerusi. Murid-murid juga telah bertambah dan guru-gurunya bertambah pula kepada dua orang.



Kitab sejarah untuk sekolah-sekolah sudah siap
Sejarah ringkas

Muhammad salla Allahu alayhi was allam

Disusun oleh Edrus. Sejarah ringkas junjungan kita Muhammad (SAW) yang perlu diketahui terutamanya oleh murid-murid sekolah. tiap-tiap bahagian disudahi dengan pertanyaan-pertanyaan yang boleh mengingatkan murid-murid kepada apa yang telah dibacanya. Bahasanya mudah difaham dan disulam dengan peta dan gambar-gambar yang berkenaan dengan sejarah-sejarah itu. Pertama buku sejarah ringkas yang diterbitkan oleh Qalam untuk sekolah-sekolah.

Senaskhah \$ 1.20

Post : 10 Sen